

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger
Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online
Or Not?

JEBAT
Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



MENDEPANI CABARAN PDPR MUSIM PKP 3.0

¹Wan Mardiana Wan Musa, ²Suhaily Maizan Abdul Manaf, ²Nur Shafini Mohd Said,

²Nur Dalila Adenan & ²Siti Rapidah Omar Ali

¹Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Terengganu

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Anak sudah tepu! Itu yang saya nampak. Saya tidak mahu pergi jauh-jauh untuk melihat anak orang lain, saya cuma melihat anak sendiri yang berada di depan mata saya. Setiap kali dipanggil untuk hadir ke kelas PdPR, anak-anak menunjukkan muka bosan. Acapkali anak saya membentak dan memberontak. Banyak kali juga mereka tidak mahu buat kerja sekolah disebabkan merasa letih dan hilang minat. Dulu-dulu, rasanya kita ibu bapa ni sahaja merasa letih otak, sekarang kita boleh nampak perkara ini turut memberi kesan kepada anak-anak yang sudah letih otak! Sudahlah berkurung sahaja, sudah lama tidak masuk kedai, sudah lama tidak bercuti, malah untuk balik ke kampung berjumpa sepupu sepatutnya yang sebaya pun tidak boleh. Syukurlah fasa PKPD sudah tamat. Bolehlah bawa mereka jumpa ahli keluarga yang lain. Itupun kalau kes tidak tinggi dan keadaan tidak membimbangkan.

“Asyik-asyik Youtube saja!” rungut anak saya. Saya menggaru kepala. Memang begitulah cara (method) yang digunakan oleh para guru. Beri pautan Youtube berkenaan dan anak-anak menonton sendiri. Disusuli kerja rumah beberapa muka surat. Paling sedikit tiga mukasurat, kadang-

kadang mencecah ke lima mukasurat. Jarang sekali ada guru prihatin yang mengadakan kelas melalui Google dan ianya boleh dikira dengan jari.

Artikel ini bukan untuk menampar cara para pendidik. Saya sebagai ibu bapa yang juga bekerja sebagai pendidik memahami kekangan sesetengah guru. Kerap kali saya lihat guru mendukung anak kecil sewaktu kelas secara Google Meet berlangsung. Saya sendiri sebagai seorang pensyarah, pernah mengalami situasi yang sama, bukan sekali, malah acapkali juga. Perkara ini biasa berlaku apabila bekerja dari rumah yang mana anak-anak juga tidak dibenarkan di hantar ke pusat asuhan kerana kerjaya kami yang bukan jatuh kategori “essential services”.

Banyak kali anak sulung saya yang berusia 9 tahun bertanya, bila dia boleh ke sekolah macam dulu? Sampai bila dia nak sekolah Youtube? Terkebil-kebil juga saya mendengar pertanyaannya itu. Saya tiada jawapan yang tepat, Cuma menjawab, marilah kita berdoa supaya COVID-19 cepat hilang.

Jujur saya katakan, anak-anak saya yang berusia 9 tahun dan 7 tahun sudah tidak dapat menghadap PdPR

lagi. Daripada PKP 1.0, PKP 2.0, keadaan mental dan emosi anak-anak semakin merudum. Sudah bermacam-macam cara saya lakukan untuk kembalikan minat mereka dalam pelajaran, termasuklah memberi hadiah apabila berjaya siapkan kerja sekolah untuk minggu tersebut.

Sebagai ibu, saya melihat anak-anak ini bukan tidak mahu belajar. Bukan mereka tidak mampu belajar secara atas talian. Tetapi kekangan lain, seperti tidak dibenarkan masuk ke kedai dan tidak dibenarkan balik kampung (kebetulan agak lama juga beberapa mukim di Dungun ni PKPD) menyebabkan mereka lesu (drained energy).

Jika selama ini anak-anak suka ke pantai, suka ke kedai binatang peliharaan, dan hujung minggu pula pulang ke kampung berjumpa sepupu sepapat yang sebaya, tekanan yang dirasai tidaklah terlalu berat. Bukan saya tak mahu ajak ke pantai, saya dan suami juga punyai kekangan tersendiri terutama sekali suami yang bermesyuarat dari pagi membawa ke malam. Sejak bekerja dari rumah, jadual kerja tidak menentu dan saya lihat jadual suami saya lebih sibuk daripada biasa.

Bagi saya pula, sebagai ibu yang bekerja, tugas hakiki saya banyak dianjak ke waktu petang kerana pada waktu pagi saya terpaksa melihat dan memantau kerja sekolah anak-anak. Saya yakin, saya tidak berseorangan dalam hal ini. Anda yang punyai anak di sekolah rendah pastinya mengalami situasi yang sama seperti saya. “Berperang” dengan anak adalah perkara biasa, dan itu juga menyumbang kepada kelesuan ibu bapa dalam menangani PdPR anak-anak.

PdPR di musim PKP 3.0 saya lihat banyak memberi kesan kepada anak saya yang berusia 7 tahun. Berbanding abangnya yang pernah merasa dan menikmati keseronokan bersekolah, adiknya ini hanya merasa ke sekolah selama lebih kurang tiga bulan sahaja. Jadi bayangkan betapa tertekannya emosi dan jiwa anak ini. Mindanya pasti tertanya-tanya kenapa dia perlu bersekolah di rumah dan hati pasti membuak-buak mahu kembali ke sekolah. Meskipun sudah berkali-kali diterangkan kenapa perlu bersekolah di rumah, kanak-kanak berusia 7 tahun seperti anak saya masih belum mampu untuk memahami.

Paling saya tidak lupa, pernah saya menghantar tugas sekolah anak kepada guru dan guru menyuruh anak membuat pembetulan selepas disemak. Saya jawab dengan jujur, “Maaf cikgu, saya tak jamin anak saya akan buat pembetulan. Nak suruh buat ni pun, tiga kali mengamuk cikgu!” Guru anak saya membalas, “Saya faham puan, sama je macam kat rumah ini” lantas kami sama-sama ketawa.

Ada juga waktunya apabila guru mengadakan kelas secara Google Meet, anak saya tidak dapat mengikutinya kerana berkongsi gajet abang dan adik. Kelas bertembung pula! Adakalanya saya pula ada mesyuarat penting dan tidak dapat memantau perjalanan kelas anak saya, maka saya pun terpaksa menghalang anak saya untuk tidak menghadiri kelas kerana kekangan kerja. Belum cerita lagi apabila saya sendiri ada kelas pengajaran berturut-turut.

Anak-anak yang ibu bapanya keluar bekerja langsung tidak dapat mengikuti pelajaran pada waktu siang. Bukan sedikit ibu bapa meminta maaf kepada guru dan memberitahu anak mereka tidak dapat mengikuti kelas pengajaran

kerana ibu bapa berada di tempat kerja dan anak-anak tiada gajet sendiri. Kalau anak saya, ada gajet pun mereka bukan masuk kelas, tapi bermain game! Ini satu lagi cabaran bagi ibu bapa untuk mengawal ketagihan anak-anak terhadap permainan telefon pintar atau secara atas talian.

Belum masuk cerita tentang kekangan fizikal dan teknologi, ia memerlukan lebih banyak kajian dan perhatian. Ini kerana, isu ini melibatkan banyak pihak yang berbeza situasi dan latar belakang. Paling menyedihkan, ada segelintir anak-anak yang langsung tak mengikuti pengajaran dan pembelajaran daripada PKP 1.0 lagi. Ibu bapa juga tidak bersuara dalam kumpulan telegram yang disediakan oleh guru. Masalah mereka? Allah sahaja yang tahu.

Saya tidak mahu membangkitkan isu anak-anak yang kehilangan ibu bapa akibat pandemik ini dan menjadi anak yatim dan piatu. Saya yakin, ramai penyelidik di luar sana yang berminat mengkaji kesan pandemik terhadap populasi, kelangsungan, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan banyak lagi isu berkaitan. Baru-baru ini Kementerian Pendidikan mengumumkan pembukaan sekolah akan dilakukan secara berperingkat. Seperti biasa, keutamaan diberikan kepada kelas yang terlibat dengan peperiksaan besar. Sejajurnya, saya menyambut baik niat Kementerian untuk membuka sekolah dalam masa yang sama bimbang dengan virus “super spreader” seperti varian Delta. Apa yang mampu kita lakukan ialah teruskan mematuhi SOP dan berdoa kepada Ilahi semoga pandemik ini cepat berakhir.



Photo by Potina Kuzovkova on Unsplash